

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN DENGAN KEPIMPINAN PENYELIAAN PENGAJARAN**

#### **Pendahuluan:**

Kajian berkenaan dengan kepimpinan penyeliaan secara khususnya tidak banyak berbanding dengan kajian yang berhubung dengan kepimpinan pengajaran yang dilihat lebih luas sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi sebilangan sarjana dalam kajian mereka yang lepas-lepas menunjukkan perkaitan yang amat jelas antara pemimpin pengajaran dengan pemimpin penyeliaan. Banyak rumusan mengatakan bahawa tiada perbezaan antara pemimpin pengajaran dengan pemimpin penyeliaan pengajaran. Tingkah laku seorang Pengetua sebagai pemimpin pengajaran di sekolah sebenarnya ialah tingkah laku seorang pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah. Seseorang Pengetua yang dikatakan berjaya berfungsi sebagai pemimpin pengajaran ialah seorang Pengetua yang berjaya melaksanakan aktiviti penyeliaan pengajaran dengan berkesan di sekolahnya. Jika, dilihat matlamat penyeliaan pengajaran itu sendiri jelas menunjukkan matlamat yang mesti dicapai oleh seorang Pengetua sebagai pemimpin pengajaran.

#### **Tinjauan Kajian Berkenaan Di Luar Malaysia:**

Seseorang pengetua ialah seorang pemimpin pendidikan di sekolahnya dan bertanggung jawab sepenuhnya dalam menentukan prestasi pengajaran dan pembelajaran meningkat dan bertambah baik kualitinya. Berdasarkan kepada beberapa dapatan kajian yang

menjelaskan tentang beberapa contoh tingkah laku sehari-hari pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan bagaimana strategi-strategi yang telah digunakan oleh mereka untuk mempengaruhi guru-guru. Fullan dan Pomfret, (1977) mempunyai pandangan bahawa pengetua ialah orang yang paling penting (crucial) dalam mempengaruhi perubahan dan menjayakan sesuatu program bagi kemajuan sekolah. Selain itu, dalam beberapa kajian yang telah dijalankan didapati sesetengah peranan yang dimainkan oleh pengetua adalah dinamik dan produktif, manakala sesetengahnya pula adalah pasif dan reaktif.

Antara fungsi yang dijalankan oleh pengetua yang terlibat secara aktif dalam mengadakan perubahan di sekolah, atau menjalankan usaha untuk memajukan sekolah, termasuklah:

- a.) bekerja bersama-sama atau bermuafakat dengan guru-guru untuk melaksanakan perubahan;
- b.) memudahkancaarkan inovasi pengajaran;
- c.) menggalakkan guru melibatkan diri dalam perubahan yang dijalankan supaya amalan-amalan pengajaran dapat diperbaiki;
- d.) menyediakan maklumat dan latihan; dan
- e.) memberangsang kreativiti dan motivasi para guru.

Fullan (1982), dalam kajiannya tentang pengaruh pengetua ke atas guru-guru dan kemajuan sekolah mendapati pengetua-pengetua yang memainkan peranan sebagai pemimpin pengajaran adalah yang paling berkesan dalam pelaksanaan apa jua inovasi pendidikan di sekolah. Tentang kesan pengaruh kepemimpinan pengetua kepada sekolah dan guru-guru, Green (1977), mempunyai pandangan bahawa:

*The principal is expected to support ideas for the development of new programmes to introduce and encourage innovations, to reduce failure and enrich the lives of students. Leadership requires working creatively with the staff and working together in decision-making processes which will improve the total school. (hlm.5).*

Smith dan Andrews (1989), menyatakan bahawa kepimpinan pengajaran ialah satu gabungan kepada beberapa tugasan penting seorang pengetua iaitu penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, menguruskan perkembangan staf sekolah dan aktiviti perkembangan kurikulum di sekolah. Pengkaji-pengkaji ini dengan jelas melihat kepimpinan pengajaran seseorang pengetua itu adalah berdasarkan kepada tugasnya secara langsung dengan tanggung jawab guru di dalam bilik darjah. Daripada kenyataan ini juga seseorang pengetua yang menjalankan kepimpinan pengajaran di sekolah perlu memastikan tanggung jawab guru di bilik darjah dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Tugas untuk memastikan perkara-perkara yang disebutkan tadi ialah dengan berbincang dengan guru melalui tugasnya sebagai penyelia pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah. Dalam perbincangan itu pengetua akan bertindak sebagai seorang pakar, pembimbing, pemudah cara dan perunding kepada guru tersebut bagi meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka. Senario ini sangat penting dan relevan dalam memberi impak dan kesan kepada perkembangan guru-guru di sekolah. Tugas melaksanakan aktiviti perkembangan staf di sekolah sememangnya secara jelas dan langsung merujuk kepada tugas dan kewajipan seorang pengetua bagi memastikan perkembangan kerjaya staf di bawahnya berkembang. Aspek tugas perkembangan kurikulum dalam konteks di sini membawa kepada keadaan di mana seseorang pengetua

itu sepatutnya menjadi orang yang pertama memahami, meyakini dan menghayati kehendak kurikulum kebangsaan.

Glickman (1985) dan Pajak (1989), dalam kajian mereka juga telah menegaskan dengan jelas tentang tanggung jawab pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan kesan pegaruh kepimpinan tersebut kepada guru. Glickman telah mendefinisikan lima tugas utama kepimpinan pengajaran pengetua sebagai: i.) bantuan secara langsung kepada guru-guru, ii.) perkembangan kumpulan di sekolah, iii.) perkembangan staf, iv.) perkembangan kurikulum dan v.) kajian tindakan. Semua aspek tugas di atas dengan jelas menunjukkan bahawa kepimpinan pengajaran pengetua cukup berpengaruh dan memberi kesan kepada perkembangan guru-guru dan kemajuan sekolah. Glickman juga mendapati dan telah membuat kesimpulan bahawa integrasi tugas-tugas inilah yang akan menyatukan atau menemukan keperluan guru dengan matlamat sekolah.

Pajak (1989), dalam kajiannya yang mengesahkan konsep kepimpinan pengajaran memberi kesan kepada perkembangan guru telah mengatakan bahawa pengetua mempunyai tugas seperti merancang, mengelola, memudahkan perubahan dan memotivasi guru dan staf sekolah keseluruhannya. Ini jelas menunjukkan pengetua cukup berpengaruh dalam konteks menjadi agen perubahan atau ‘change agent’ kepada perkembangan guru-guru serta mendorong dan menggalakkan mereka meningkatkan tahap profesionalismenya.

Dalam kajian Gordon (1997), beliau mendapati kepimpinan pengajaran yang berkesan adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip persamaan antara pengurus dan pentadbir

yang disebut sebagai pihak atasan dengan guru-guru dan pekerja yang disebut sebagai subordinat atau orang bawahan. Ia bukan lagi berkonsepkan sistem hierarki dan menurut perintah sahaja tetapi ia berdasarkan kepada pemikiran bersama dan perkembangan serta pertumbuhan bersama antara orang atasan dengan orang bawahan. Jelas sekali, seseorang pengetua yang memainkan peranan sebagai pemimpin pengajaran perlu melihat kepada perkembangan guru-guru dan orang bawahan jika ingin melihat sekolah mencapai kemajuan dan perubahan.

Pajak (1993), sekali lagi dalam kajiannya melihat keberkesanan kepimpinan pengajaran dari aspek model penyeliaan yang disemak semula. Beliau mendapati dan merumuskan secara bertentangan dengan amalan biasa bahawa kepimpinan pengajaran ialah kepimpinan yang mengukuhkan aturan tingkah laku dan kemahiran guru secara khusus di bilik darjah. Ini ialah disebabkan oleh kemunculan aspek dialog yang menekankan pengajaran di bilik darjah, perkembangan kurikulum, perkembangan staf yang menjuruskan dan bertujuan untuk membantu guru-guru mencari pengetahuan dan membina kemahiran profesionalisme mereka.

Begitu juga dengan Schon (1988), yang menjelaskan dapatan kajiannya mendapati konsep kepimpinan pengajaran yang berkesan sebenarnya ialah kepimpinan yang menekankan kepada aspek pemerhatian bilik darjah ‘collegial’ dan secara khusus bertujuan dan berfokuskan untuk bimbingan dan menggalakkan refleksi pengajaran guru-guru. Selain itu, sorotan kajian yang luas telah dijalankan untuk mengkaji jenis tingkah laku yang tertentu atau aktiviti yang dapat membezakan kepimpinan pengajaran yang berkesan dengan yang tidak berkesan. Cubaan yang terawal dikemukakan oleh

Hallinger (1984) dan Murphy (1985). Mereka menyarankan bahawa kepimpinan pengajaran boleh dikonseptualisasikan daripada sepuluh kategori iaitu: i.) Rangkaan matlamat sekolah, ii.) komunikasi matlamat sekolah, iii.) penyeliaan dan penilaian pengajaran, iv.) koordinasi kurikulum, v.) pemantauan kemajuan pelajar, vi.) pelindungan masa pengajaran, vii.) pengekalan keadaan penglihatan (visibility), viii.) pembekalan ganjaran kepada guru, ix.) peningkatan perkembangan profesional guru, dan x.) pembekalan ganjaran kepada pelajar. Kajian ini jelas menunjukkan konsep kepimpinan pengajaran sememangnya memberi kesan kepada perkembangan guru kerana hampir kesemua kategori yang diutarakan ialah berkenaan dengan usaha-usaha dan aktiviti ke arah perkembangan dan peningkatan guru-guru dan kemajuan sekolah.

Terdapat juga beberapa kajian yang mendapati kesan yang agak negatif kepada perkembangan dan peningkatan profesionalisme guru-guru daripada konsep kepimpinan pengajaran yang tidak betul yang dimainkan oleh pengetua. Antaranya ialah kajian oleh Smyth (1997), yang mengatakan bahawa kepimpinan pengajaran sebagai kepimpinan yang merewang-rewang. Beliau menjelaskan bahawa pengetua sebagai pemimpin pengajaran tidak mempunyai satu tugas tertentu tetapi pelbagai tugas yang kadang-kala menjadi keliru dengan keadaan tersebut. Situasi ini menurut beliau tidak memberi sebarang kesan yang positif terhadap perkembangan guru-guru dan kemajuan sesebuah sekolah.

Gordon (1997), pula menjelaskan bahawa kepimpinan pengajaran tidak memberi apa-apa kesan dan impak kepada perkembangan guru-guru kerana amalan kepimpinan tersebut sering kali dihadkan terutamanya kepada pemeriksaaan, pengawasan dan

pertimbangan aturan di bilik darjah. Tugas ini jika diteliti seolah-olah seperti tugas seorang nazir sekolah (School Inspectorate). Keadaan ini sudah tentu tidak mendatangkan apa-apa kesan perkembangan kepada guru-guru malah mendatangkan keburukan dan tekanan kepada guru-guru tersebut. Kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh Glanz (1995), yang menyokong pendapat tersebut dalam kajiannya yang mendapati kepimpinan pengajaran di sekolah pada hari ini ialah warisan birokrasi penyeliaan yang hanya mencari kesalahan guru-guru sahaja.

Kajian Sergiovanni (1992) pula merujuk kepada kepimpinan pengajaran pengetua di sekolah sebagai keadaan perbincangan antara pengetua dengan guru-guru tentang aturan dalam bilik darjah sebagai peristiwa yang mengecewakan yang disifatkan oleh beliau sebagai satu upacara yang disertai berdasarkan skrip yang telah ditulis dengan baik tanpa banyak kesan akibat seterusnya (muka surat 203).

Konsep kepimpinan pengajaran yang dikemukakan oleh para sarjana dan pengkaji dalam bahagian ini dengan jelas boleh dirumuskan bahawa kepimpinan pengajaran memang memberi kesan dan mempengaruhi perkembangan seseorang guru dan kemajuan sekolah amnya. Ini jelas ditunjukkan oleh semua para sarjana dan pengkaji tugas yang tidak dapat dipisahkan dengan kepimpinan pengajaran ialah tugas dan tanggung jawab penyeliaan pengajaran di sekolah. Jika tanggung jawab dan tugas ini diabaikan maka pengetua itu tidak menjalankan peranan sebagai pemimpin pengajaran yang sebenarnya.

### **Kajian Berkaitan Kepimpinan dan Penyeliaan Pengajaran Di Malaysia:**

Kajian tentang kepimpinan dalam pendidikan yang dijalankan di Malaysia secara keseluruhannya melihat peranan yang dimainkan oleh pengetua sebagai pentadbir di sekolah. Agak kurang kajian yang berkaitan dengan amalan pengetua dalam konteks kepimpinan penyeliaan pengajaran di sekolah yang dijalankan. Walau bagaimanapun, dalam kajian-kajian yang dijalankan ada juga yang menyentuh secara dasar berkaitan dengan kepimpinan pengajaran dan penyeliaan yang dilakukan oleh pengetua sebagai pemimpin dan pentadbir sekolah.

Ismail Adnan (1998), menjelaskan bahawa pengetua yang ingin menjadi pemimpin pengajaran yang berkesan juga mesti menjadi pemimpin dalam kurikulum. Aspek relevan untuk menunjukkan kepimpinan pengajaran pengetua memberi kesan kepada perkembangan guru-guru ialah dengan melihat peranan dan tanggung jawab seperti yang dijelas oleh pengkaji di atas, seperti berikut:

- i.) memahami, meyakini dan menghayati kehendak kurikulum;
- ii.) pengetua bertanggung jawab untuk menyusun rancangan dan strategi sekolah;
- iii.) memberikan teladan, dorongan dan bimbingan kepada ahli masyarakat sekolah; dan
- iv.) melaksanakan tugas pengurusan peringkat sekolah.

Tugas dan fungsi pengetua sebagai pemimpin profesional, pengurus dan pentadbir hari ini adalah pelbagai. Sebagai pemimpin profesional di sekolahnya, tanggung jawab utama seorang pengetua ialah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di

sekolahnya, dan ini amat berkait rapat dengan amalan serta tingkah laku pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan penyeliaan pengajaran. Pelaksanaan kurikulum dijalankan melalui proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum di sekolah memerlukan penyeliaan yang rapi dan sistematis serta amalan yang berkesan daripada pihak pengetua sekolah itu. Ini termasuklah penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap guru di dalam kelas yang sepatutnya menjadi perkara yang diutamakan dalam senarai tugas dan tanggung jawab pengetua. Oleh itu, berdasarkan tujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, pengetua hendaklah diperingatkan bahawa penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merupakan tugas yang penting yang menuntut amalan dan pendekatan kepimpinan penyeliaan yang berkesan daripada pihak pengetua.

### **Hubungan Pengetua Dengan Guru:**

Mukherjee (1970), dalam kajiannya mendapati bahawa hubungan pengetua dengan guru adalah penting kerana melaluinya dapat membantu mereka saling saham-memahami peranan dan tanggung jawab masing-masing. Di samping itu, hubungan ini dapat melahirkan rasa puas hati di kalangan guru-guru.

Sebagai pemimpin pengajaran khususnya pemimpin penyeliaan pengajaran, pengetua perlu menjalin hubungan yang baik dengan guru bagi membolehkan mereka bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan. Amalan kerjasama ini oleh pengetua dan guru-guru akan dapat membantu tugas-tugas penyeliaan yang dijalankan oleh pengetua. Apabila

guru memahami peranan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran sudah tentu guru akan dapat memberi kerjasama.

Pelaksanaan program kurikulum mempunyai kaitan dengan tahap pembuatan keputusan. Fatimah (1971: 127) menyatakan bahawa terdapat tiga tahap yang berkaitan dengan kurikulum, iaitu tahap masyarakat, tahap institusi dan tahap pengajaran. Pada tahap pengajaran, guru dan Pengetua terlibat untuk merancang pelaksanaan sesuatu kurikulum, mengatur pengajaran dan pembelajaran dan membuat penilaian terhadap rancangan kurikulum yang dijalankan. Dalam konteks ini, sekolah berperanan untuk melaksanakan program kurikulum dengan memberi penekanan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengetua sebagai pemimpin sewajarnya mempunyai suatu amalan yang memperlihatkan hubungan yang erat dengan orang-orang bawahannya. Cara beliau berinteraksi dan tindak-tanduknya melahirkan tingkah laku yang mencorakkan bagaimana beliau menjalankan tugas dan mempengaruhi guru-guru serta kakitangan yang lain di bawahnya. Amalan tersebut sudah tentu akan dapat mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (Alageswary, 1980).

Rahimah (1981), dalam kajiannya tentang hubungan antara corak kepimpinan, iklim sekolah dan pencapaian pelajar mendapati bahawa secara purata guru-guru besar lebih tinggi dinilai dari segi dimensi tingkah laku yang cenderung kepada tugas berbanding kepada pertimbangan atau hubungan manusia. Beliau mendapati juga bahawa corak kepimpinan guru besar, terutama kepimpinan yang menekankan dimensi pertimbangan

atau hubungan manusia, adalah berhubung kait dengan suasana sekolah. Suasana sekolah pula berhubung kait dengan pencapaian murid.

Kepimpinan, corak kepimpinan dan penyesuaian pengetua mempunyai korelasi dengan norma atau nilai guru (Thandi, 1978). Kejayaan atau kegagalan terhadap dasar dan perubahan dalam pendidikan adalah terletak sebahagian besarnya kepada kepimpinan pengetua dan prestasi guru di dalam kelas. Sebagai seorang pemimpin pengajaran, pengetua adalah diharapkan dapat melaksanakan segala aktiviti yang dipertanggungjawabkan kepada sekolah (Ramaiah, 1984).

Kesimpulannya, daripada kajian tersebut dapat dikatakan bahawa gaya dan amalan kepimpinan pengetua mempunyai kaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah. Kajian itu menunjukkan bahawa amalan dan peranan pengetua dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dan amalan dan peranan ini dapat dilihat melalui gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh mereka. Kajian juga menunjukkan bahawa hubungan antara guru dengan pengetua memainkan peranan yang penting bagi tujuan mempertingkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dengan adanya, iklim yang baik maka pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan sempurna dan berkesan.

#### **Kajian Mengenai Tanggapan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Pengetua:**

Mc Daniel (1984) menyatakan bahawa terdapat anggapan yang negatif terhadap amalan penyelia dalam melaksanakan tugas mereka dan sering menimbulkan konflik. Beberapa hal yang sering ditimbulkan oleh guru mengenai amalan penyelia adalah:

- i.) Penyelia sukar dihubungi bila diperlukan;
- ii.) Penyelia dan guru tidak berkomunikasi dengan baik;
- iii.) Penyelia tidak memberikan idea-idea yang membina dari segi pengajaran;
- iv.) Penyelia tidak menunjukkan sifat membantu;
- v.) Penyelia kurang memberikan perhatian dalam menyediakan bahan-bahan untuk mengajar;
- vi.) Guru merasa mereka diketepikan dalam membuat sebarang keputusan, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum; dan
- vii.) Guru merasakan penyelia perlu memberikan banyak peluang kepada mereka untuk meningkatkan prestasi melalui latihan atau pendidikan dalam perkhidmatan.

Di samping itu, dapatan kajian daripada (Dean, 1992; Lally dan Scaife, 1995) telah mendapati bahawa amalan penyeliaan pengajaran yang lebih autokratik daripada demokratik atau lebih banyak mengarah daripada pendekatan kolaboratif oleh pengetua merupakan antara punca-punca utama guru-guru bersikap negatif terhadap aktiviti penyeliaan pengajaran di sekolah.

Pickhardt (1981) pula dalam kajian mengenai amalan membantu yang ada pada penyelia menyatakan bahawa guru bersetuju menerima pertolongan dari segi pengajaran atau pengurusan daripada penyelia sekiranya guru merasa ada kekurangan pada diri mereka.

Lortie (1975: 208) telah menjalankan kajian mengenai tingkah laku guru berdasarkan pendekatan sosiologi mendapati bahawa terdapat tiga sikap yang ada pada guru, iaitu ‘conservatism’, ‘individualism’ dan ‘presentism’. Guru dikatakan mempunyai sikap ‘conservatism’ kerana kebanyakan mereka tidak senang terhadap perubahan yang akan dilakukan sebaliknya mereka cenderung untuk mengekalkan suasana kerja yang selesa, stabil, biasa dan terjamin. Sikap ini dikaitkan dengan personaliti orang yang menceburkan diri dalam bidang perguruan lazimnya mempunyai pendirian yang konservatif.

Lortie juga mengatakan bahawa sikap ‘individualism’ guru dikaitkan dengan suasana dan keadaan kerja mereka. Suasana kerja seorang guru adalah sunyi dan terpencil dari rakan sejawat semasa bertugas mengajar di dalam kelas. Sekiranya timbul masalah dengan pelajarnya, guru perlu menyelesaikan masalah secara bersendirian. Disebabkan suasana kerja sedemikian maka guru mempunyai perasaan tidak suka diganggu dari luar semasa menjalankan tugas. Dengan itu penyeliaan yang dijalankan dianggap sebagai mengganggu terhadap tugas mereka.

Akhirnya guru merasakan lebih selesa bekerja sekiranya dapat bekerja dalam suasana atau iklim kerja yang sama setiap hari. Sikap ini dikatakan ‘presentism’ kerana guru beranggapan bahawa tugas yang akan mereka lakukan hari ini mempunyai kaitannya dengan tugas yang mereka lakukan kelmarin. Guru lebih cenderung sekiranya suasana bekerja tidak berubah.

### **Kesimpulan:**

Berdasarkan penjelasan tentang konsep-konsep amalan kepimpinan penyeliaan pengajaran yang berkesan tersebut dapatlah dinyatakan di sini bahawa tugas asasi seseorang pengetua itu ialah yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum. Dalam hubungan ini pengetua perlu memainkan peranannya sebagai pemimpin kurikulum yakni pemimpin penyeliaan pengajaran bagi membimbing, mendorong dan memimpin guru-guru sekolahnya ke satu arah yang pasti, iaitu menjayakan pelaksanaan kurikulum. Seterusnya bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum ini, seseorang pengetua itu sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran perlu mempunyai kefahaman dan kepercayaan tentang pendekatan penyeliaan pengajaran dan dalam konteks ini pendekatan yang paling berkesan ialah pendekatan demokratik dan kolaboratif dan yang paling penting dapat menjalankan tiga amalan utama dalam penyeliaan pengajaran dengan berkesan iaitu amalan melaksanakan program kurikulum tersebut, amalan mempertingkatkan perkembangan guru dan amalan penyeliaan persediaan bahan pengajaran oleh pengetua. Melalui keberkesanan amalan-amalan inilah seseorang pengetua itu dikatakan telah menjalankan tanggung jawabnya yang sebenar sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah. Kegagalan seseorang pengetua itu untuk memahami konsep pendekatan penyeliaan pengajaran itu dan menjalankan amalan-amalan ini akan memberi kesan yang negatif kepada sikap guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah. Berdasarkan alasan tersebut maka kerangka konsep pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran dalam kajian ini menegaskan kepada praktis pengetua mengamalkan penggunaan pendekatan penyeliaan pengajaran secara demokratik dan kolaboratif dan menjalankan tiga amalan tunggak sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah iaitu amalan melaksanakan program kurikulum yang

tepat, amalan mempertingkatkan perkembangan guru yang berkesan dan amalan menyelia persediaan bahan pengajaran guru yang sistematik dan betul.